

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2020

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA)

MASA

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2020

Hak Cipta Terpelihara ©2019 Institut Masa Depan Malaysia (PPAB-03/2019)
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Institut Masa Depan Malaysia.



# MELAKAR IMPIAN MASA HADAPAN DI ATAS KEFAHAMAN YANG SAMA.



# ISI KANDUNGAN


**1.0 Prakata** 01

**2.0 Tentang MASA** 02

- 2.1 Objektif 02
- 2.2 Carta Organisasi 03

**3.0 Organisasi dan Pentadbiran** 04

- 3.1 Perancangan Hala tuju MASA 04
- 3.2 Pemerbadanan Institut Masa Depan Malaysia 04
- 3.3 Lembaga Pemegang Amanah 04
- 3.4 Pengukuhan Organisasi 06
  - Sekretariat Profesional
  - Urus Tadbir Korporat
- 3.5 Hari Keluarga MASA 08
- 3.6 Rumah MASA 09

**4.0 Polisi dan Penyelidikan** 10

- 4.1 Kajian WKB2030 sebagai Hala Tuju Baharu Negara 2021-2030 11
  - Nota Teknikal Buku WKB2030
  - Penjajaran Kertas Strategik RMKe-12 kepada WKB2030
  - Siri Persidangan Meja Bulat
  - Bengkel *Training of Trainees* WKB2030
  - Kertas Strategik MASA (bagi topik-topik di luar RMKe-12)
  - Pelan Strategik WKB2030
- 4.2 Kajian Tahap Sokongan Rakyat Terhadap Kerajaan Persekutuan (Fasa 1 & 2); dan Kajian Analisis Rakyat Terhadap Polisi Nasional, Penyampaian Kerajaan Dan Persepsi Terhadap Isu Semasa (Fasa 3) 14
- 4.3 Penerbitan MASA 14
- 4.4 Sesi Bersama Pemegang Taruh 15
- 4.5 Jaringan Kerjasama Strategik 15

**5.0 Pengurusan Program** 16

- 5.1 Pengenalan Siri Wacana Masa Depan 17
  - Siri Wacana Masa Depan - Mencapai WKB: Cabaran Mengurus Defisit Kepercayaan Antara Etnik Di Malaysia
  - Siri Wacana Masa Depan - Kayu Ukur Kemiskinan: Perlukah Penilaian Semula?
  - Siri Wacana Masa Depan - Pemulihan Ekonomi: Pasca COVID-19
- 5.2 Pengenalan Program PEMACU 19
  - Makmur Bersama Kuala Lumpur 2030
  - PEMACU Negara - Kuala Lumpur
  - PEMACU Negara - *Training Of Trainers* (TOT)
  - PEMACU Negara - Kelantan
  - PEMACU Wacana - *Promoting Gender Parity in the Workforce*
  - PEMACU Wacana - Wawasan Kemakmuran Bersama: Pemacu Negara-Bangsa

# ISI KANDUNGAN


- PEMACU Wacana - *Women in Shared Prosperity Webinar*
- PEMACU Intelek - *Restructuring Of Business And Industry Ecosystem In Malaysia (Part 1)*
- PEMACU Intelek - *Restructuring Of Business And Industry Ecosystem In Malaysia (Part 2)*
- PEMACU Intelek - Peranan Organisasi Masyarakat Sivil (*Civil Society* Organisation) dalam Mencapai WKB
- PEMACU Intelek - *Transforming Human Capital*
- PEMACU Intelek - *Strengthening The Labour Market And Increasing Compensation Of Employees*
- PEMACU Intelek - *Towards Inclusive & Sustainable Social Wellbeing In Malaysia*
- PEMACU Intelek - Industri Padi Dan Beras Negara WKB: Apa Pesawah Mahu?
- PEMACU Intelek - *Social Capital*
- PEMACU Intelek - *Regional Inclusion: Reducing The Gap Between Urban & Rural Areas In Malaysia*
- PEMACU Intelek - *Implications Of CPTPP For Malaysia – 2020 Updates*
- PEMACU Intelek - *Key Economic Growth Activities (KEGA)*
- PEMACU Intelek - *Syndication Session For The Shared Prosperity Vision 2030 (SPV 2030) Action Plans Part 1 And Part 2*

**6.0 Perancangan Masa Hadapan** 35

**7.0 MASA di Kancah Media** 38

**8.0 Galeri 2020** 41

# PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) yang ditubuhkan pada 2019 masih dapat meneruskan operasi di kala cabaran pandemik COVID-19 yang menjadi suatu fenomena yang menggemparkan seluruh dunia.

Tahun 2020 menyaksikan MASA terus mendukung amanah dan memperkasa rangka kerja tindakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang telah diperkenalkan tahun sebelumnya. Dalam tahun mencabar ini, organisasi ini telah berjaya memastikan penyampaian dan pelaksanaan program-program kesedaran WKB2030 dapat diteruskan. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan MASA beradaptasi dengan keperluan teknologi semasa melalui penggunaan kemudahan atas talian sepenuhnya. Hampir keseluruhan program pada tahun 2020 telah menggunakan pendekatan norma baharu ini. Medium ini dijangka akan berterusan pada tahun-tahun mendatang.

Di antara kejayaan utama MASA yang ingin saya kongsikan adalah penyempurnaan Kajian Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai Hala Tuju Negara 2021-2030 dengan kolaborasi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang merangkumi pelbagai usaha penjajaran Kertas Strategik RMKe-12 kepada WKB2030 dan pembangunan Pelan Strategik WKB2030 yang telah dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik MASA, dengan kerjasama pakar daripada pelbagai bidang. MASA juga telah berjaya menganjurkan program Makmur Bersama Kuala Lumpur yang merupakan satu program balai rakyat *(townhall)* bagi membolehkan rakyat berdialog secara terus dengan YAB Perdana Menteri. Buat waktu ini, pihak MASA sedang dalam usaha merangka lebih banyak siri Makmur Bersama ini berdasarkan maklum balas positif dari semua pihak berkepentingan.



Selain daripada mandat untuk mempromosi WKB2030 dan idea kemakmuran bersama yang didokong sepenuhnya, barisan penyelidik dan komunikasi strategik MASA turut menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam memberikan cadangan, maklumat dan input kepada pembuat dasar dan polisi negara. Iltizam dan komitmen tinggi yang ditunjukkan warga MASA sebagai penyokong dasar kerajaan dapat diperlihat melalui penyelidikan dan projek-projek khas yang dijalankan, penyediaan kertas polisi dan siri sumbangsaran bersama para ilmuwan dan tokoh akademik negara agar Malaysia dapat mencapai kemakmuran bersama. Saya mewakili pihak pengurusan tertinggi, mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua warga MASA yang telah bertungkus-lumus melaksanakan amanah yang diberikan ini.

Akhir kata, saya berdoa dan berharap agar MASA akan kekal dengan misi dan visinya untuk terus maju ke hadapan sebagai sebuah institut pemikir yang bebas dan berdaya saing di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**YM Tunku Azela Tunku Aziz**
**Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif**

# TENTANG INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA)

Penubuhan MASA ditunjangi atas dasar membantu kerajaan membangunkan dan memperkasakan halatuju negara terutamanya dalam memperkukuhkan dasar dan polisi yang sedang dan bakal direncanakan oleh kerajaan Malaysia, termasuklah kajian-kajian sosio -budaya dan sosio-ekonomi serantau.

3 objektif utama penubuhan MASA.

## 01 MEMANTAU DAN MENGANALISA

Memantau dan menganalisa situasi dan data ekonomi, perniagaan, industri dan indikator sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera serta keberkesanan penghasilan institusi dan polisi.

## 02 MENASIHATI DAN MEMUDAHCARA

Menasihati, bekerjasama dan memudahcara langkah penyelesaian, inisiatif dan polisi berkait perkara-perkara ekonomi dan sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera bersama pihak-pihak berkepentingan, kepada kepimpinan, organisasi dan rakyat pada peringkat antarabangsa, serantau dan nasional.

## 03 MENGGEMBLENG DAN MENGGERAKKAN

Menggembleng dan menggerakkan segala sumber, upaya, jaringan dan pelbagai insiatif bagi menjayakan matlamat kemakmuran bersama dan penambahbaikan status serta masa depan Malaysia dan Bumiputera khususnya.



# CARTA ORGANISASI








## LATAR BELAKANG MASA

Sesuai dengan objektif penubuhannya, pada 2 Januari 2019, satu perbincangan awal berkenaan penetapan hala tuju organisasi diadakan bagi memantapkan peranan MASA dalam usaha membantu negara. Perbincangan ini telah di pengerusikan sendiri oleh YB Senator Dr Radzi Jidin, Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merangkap ahli Lembaga Pemegang Amanah, MASA serta dihadiri oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah yang lain, beberapa pimpinan anak muda dan sekretariat dilantik.

## PEMERBADANAN MASA

Majlis penyerahan sijil pemerbadanan Institut Masa Depan Malaysia telah disempurnakan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang) dalam Majlis Amanat Tahun Baru 2019. Institut Masa Depan Malaysia diperbadankan secara rasmi pada 22 Januari 2019.

## LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, MASA

Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) adalah pemegang taruh yang telah dimaktubkan dalam Surat Ikatan Amanah. Mesyuarat ahli LPA perlu diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang atau minimum dua pertiga (2/3) daripada jumlah semasa LPA. Bagi tempoh Januari sehingga Disember 2020, ahli LPA telah bersidang secara rasmi sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh ini. Terdapat banyak keputusan-keputusan penting telah dibuat bagi kepentingan organisasi seperti penentuan gerak kerja dan aktiviti pendanaan bagi melancarkan operasi organisasi.



# MEMARTABATKAN INSTITUSI - MESYUARAT AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH, MASA

Pada 1 November 2020, En Nizam Mahshar telah meletakkan jawatan sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah dan CEO. Peletakan jawatan beliau telah diterima oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dan ahli Lembaga Pemegang Amanah yang lain. Beliau terus bertugas sehingga hari terakhir beliau di MASA iaitu pada 30 November 2020.

Pada 20 November 2020, ahli Lembaga Pemegang Amanah telah melantik En Mohd Hashrizal Zainol Haris sebagai ahli yang terbaru menggantikan En Nizam yang meletakkan jawatan.

Seterusnya, Lembaga Pemegang Amanah telah melantik YM Tunku Azela Tunku Aziz sebagai Pemangku CEO berkuat kuasa 1 Disember 2020.

Pada 10 Disember 2020, Lembaga Pemegang Amanah telah turut melantik YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob dan YBhg Datuk Haji Mohd Nardin Hj. Awang sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah yang baharu.



YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob



YBhg Datuk Haji Mohd Nardin Haji Awang



En Mohd Hashrizal Zainol Haris



YM Tunku Azela Tunku Aziz

# PENGUKUHAN ORGANISASI




## SEKRETARIAT PROFESIONAL

Salah satu cabang yang menjadi tulang belakang bagi pembentukan sebuah organisasi adalah sekretariat profesional. Sebagai sebuah organisasi yang masih muda, MASA masih mempunyai ruang dan aspek tertentu yang perlu penambahbaikan bagi memantapkan pembangunan sekretariat professional.

MASA masih meneliti beberapa aspek penting dalam pembangunan sekretariat professional seperti skop kerja, kecekapan, kompetensi, *'multi-tasking'* di samping pengalaman sekretariat.

MASA juga menekankan pemahaman sekretariat dalam objektif dan aktiviti organisasi supaya organisasi ini dapat bergerak dengan lebih baik. Sehingga Disember 2020, MASA disokong oleh hampir 16 orang kakitangan yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dalam merancakkan aktiviti dan program dirancang.

MASA juga merancang untuk melaksanakan program *Retreat* MASA yang melibatkan ahli Lembaga Pemegang Amanah dan warga kerja sekretariat serta penglibatan felo dan *associate* yang dilantik MASA.



## SEKRETARIAT PROFESIONAL

Tadbir urus yang baik merupakan salah satu eleman yang penting dalam pembangunan institusi seperti MASA. MASA telah merangka dan menetapkan satu Tatacara Pengendalian Piawai atau *Standard Operating Procedures (SOP)* bagi pengurusan bakat, pentadbiran dan kewangan untuk memastikan setiap aktiviti dan pelan tindakan yang dirangka dilaksanakan dengan baik dan lancar. Setiap implementasi projek dan program yang dijalankan adalah berlandaskan kepada pematuhan yang telah ditetapkan bagi mencapai kekuatan urus tadbir korporat.

- MASA telah merekrut sekretariat yang berpengalaman, berkemahiran dan professional mengikut keperluan pengkhususan bidang tugasan ke arah mewujudkan *Secretariat Driven*.
- Mewujudkan Tatacara Pengendalian Piawai atau *Standard Operating Procedures (SOP)* yang lebih sistematik dan teratur.
- Mewujudkan sistem pengurusan Aliran Tunai.
- Mewujudkan sistem dokumentasi yang lebih berkesan.
- Merangka satu sistem *Performance Management* melibatkan semua peringkat pengurusan.
- Hubung jalin yang baik dengan semua pihak berkepentingan.
- Penetapan hala tuju yang selari dengan kehendak dan keutamaan pihak pembuat dasar dan Kerajaan semasa.



# HARI KELUARGA MASA

### *CORPORATE RETREAT*

Pada 16 hingga 18 Januari 2020, satu Corporate Retreat telah diadakan selama 3 hari 2 malam di Al Sakinah Eco Resort, Janda Baik, Pahang.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat dan silaturrahim antara kakitangan MASA. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan termasuk aktiviti riadah seperti *jungle trekking*, sesi hala tuju MASA bersama CEO, majlis makan malam dan sesi perkongsian bersama ahli Lembaga Pemegang Amanah.

Selain aktiviti riadah, kakitangan Masa telah turut serta dalam program bina diri bertajuk "*Take Charge*" bersama Perunding Latihan, Encik Mohd Rizal Hassan.

### JAMUAN PENGHARGAAN

Pada 7 Julai 2020, MASA telah menganjurkan satu sesi jamuan penghargaan di Hutan Simpan Bukit Nanas dan Restoran Rebung di Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri oleh CEO dan semua warga MASA.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat dan silaturrahim antara kakitangan MASA. Di Hutan Simpan Bukit Nanas, kakitangan MASA telah melakukan aktiviti menaiki dan merentasi jambatan gantung sambil menikmati keindahan alam semulajadi di hutan simpan tersebut.

Setelah selesai aktiviti riadah, kakitangan MASA telah menikmati juadah makan tengah hari tradisional Melayu di Restoran Rebung dan disudahi dengan sesi pertukaran hadiah di kalangan kakitangan MASA.







# RUMAH MASA

Pejabat MASA adalah berkonsepkan rumah yang diubah suai menjadi sebuah pejabat. Pejabat ini lebih dikenali sebagai ‘Rumah MASA’. Ianya mempunyai kelengkapan pejabat yang menyeluruh termasuk bilik CEO, bilik mesyuarat *Board*, bilik perbincangan/latihan, bilik Gerakan bagi setiap jabatan, perpustakaan mini, ruang tetamu, ruang santai, surau, stor dan pantri. Di samping itu, Rumah MASA mempunyai kelengkapan perabot pejabat yang mencukupi bagi memenuhi keperluan kakitangan yang ada.

Perpindahan Rumah MASA ke Bukit Bandaraya secara rasminya dijayakan pada bulan Jun 2020 berikutan beberapa faktor seperti ruangan rumah yang lebih luas dan bilangan bilik yang lebih banyak supaya dapat melaksanakan pelbagai jenis aktiviti dengan kapasiti yang lebih ramai seperti program *Focus Group Discussion*, program Wacana, program Latihan, majlis keraian, dan sebagainya.
















# POLISI & PENYELIDIKAN

## Kajian WKB sebagai Hala Tuju Baharu Negara 2021-2030

Kajian Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) sebagai Hala Tuju Baharu Negara 2021-2030 merupakan satu usaha bersama antara MASA dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk menjajarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) kepada dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Komponen dan inisiatif dalam Kajian WKB2030 termasuk:

- **01** Nota Teknikal Buku WKB 2030
- **02** Penjajaran Kertas Strategik RMKe-12 kepada WKB2030
- **03** Siri Persidangan Meja Bulat
- **04** Bengkel *Training of Trainees* WKB2O3O
- **05** Kertas Strategik MASA (bagi topik-topik di luar RMKe-12)
- **06** Pelan Strategik WKB2030

## Nota Teknikal Buku WKB2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) adalah komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mencapai pertumbuhan yang mampan dan pembahagian yang adil dan saksama di antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah, dan rantaian bekalan. Tujuan utama WKB2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030.

Untuk memahami bagaimana WKB2030 dikembangkan, nota teknikal akan secara ringkas memperincikan definisi, teknik, dan prosedur yang digunakan oleh MASA untuk mengembangkan tujuan dan melaporkan analisis situasi seperti di dalam WKB2030.




Struktur nota teknikal ini merangkumi 3 bahagian iaitu:

Petunjuk Makroekonomi di Bahagian 1 → Petunjuk Makroekonomi di Bahagian 2 → Sasaran WKB2030 di Bahagian 3

*Dalam pembacaan catatan teknikal ini, perlu diperhatikan bahawa analisis ini dilakukan dengan akses terhad kepada data ekonomi.*

## Penjajaran Kertas Strategik RMKe-12 kepada WKB2030

MEA telah menugaskan MASA untuk menjajarkan 35 Kertas Strategik RMKe-12 kepada WKB2030.
Berikut adalah senarai Kertas Strategik yang berkenaan.

| | |
|---|---|
| 01 | Advancing The Public Service Efficiency Agenda Through Outcome Driven Government |
| 02 | Amplifying Greater Governance Towards Efficient Services |
| 03 | Reforming Public Private Partnership Policy and Governance |
| 05 | Fostering National Unity In Diversity |
| 06 | Strengthening Inclusivity Towards Achieving Decent Standard of Living |
| 07 | Achieving Equitable Outcome for Sustainable Bumiputera Prosperity |
| 08 | Silver Tsunami : Preparing Malaysia Towards An Aged Nation by 2030 |
| 09 | Invigorating Healthcare Towards Progressive Nation |
| 10 | Ensuring A Safe, Secure and Peaceful Nation |
| 11 | Transforming Rural Areas to Bridge Development Gap |
| 12 | Providing Affordable Housing For All |
| 13 | Sports as Catalyst for Active Nation and Fostering Unity |
| 14 | Climate and Resilient Development for Environmental Sustainability |
| 15 | Sustainable Management of Natural Capital |
| 16 | Water Sector Transformation: Accelerate Implementation of Integrated Water Resources Management |
| 17 | Sustainable Energy to Support Growth |
| 18 | Driving Modernisation in Agro-food |
| 19 | Delivering Economic and Social Prosperity through Agri-Commodity |
| 20 | Manufacturing the Future |
| 21 | Energising STI Towards Wealth Creation |
| 22 | Aerospace Industry: Cruising Into A Complete Ecosystem |
| 23 | Delivering Innovation in Services Sector |
| 24 | Re-energizing The Tourism Industry |
| 25 | Maximising the Potential of the Creative Industry |
| 26 | Digitalizing Malaysian Economy |
| 27 | Making Connection : Seamless Transport and Logistic System |
| 28 | Progressing Towards Sustainable Cities |
| 29 | Revitalising Education System |
| 30 | Vibrant Higher Education |
| 31 | Strengthening Technical and Vocational Education and Training (TVET) To Produced Industry Talent |
| 33 | Realigning Labour Market for Inclusive and Sustainable Growth |
| 34 | Towards Entrepreneurial Nation |
| 35 | Diversifying the Economic Base : Focusing on Specific Economic Clusters Across New Growth Nodes |
| 36 | Reinvigorating ASEAN Subregional Cooperation for Better Regional Development |
| 37 | Reinforcing Halal Ecosystem for Global Competitiveness |

*Kertas Strategik nombor 4 dan 32 telah disatukan ke dalam Kertas Strategik yang lain.*

## Siri Persidangan Meja Bulat

Siri Persidangan Meja Bulat berkaitan penjajaran RMKe-12 telah diadakan bertujuan bagi mengumpul input dan pandangan pakar dalam usaha menyiapkan Kajian WKB2030. Latar belakang pakar-pakar yang menyumbangkan input terdiri daripada pegawai tertinggi kerajaan persekutuan, agensi-agensi sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat swasta, akademia, badan pemikir, aktivis, pertubuhan bukan kerajaan (NGO/CSO) dan belia.

## Bengkel Training of Trainees WKB2030

Pelaksanaan bengkel TOT bersama pegawai-pegawai MEA telah diadakan untuk melatih dan memberi penerangan berkenaan WKB2030. Sesi ini telah membolehkan para peserta melaksanakan pelan WKB2030 di peringkat kementerian-kementerian dan seterusnya agensi-agensi berkaitan.

Bengkel ini telah berlangsung selama 2 hari di Bangi Golf Resort pada 24 dan 25 Februari, dan disertai seramai 100 peserta dan 15 jumlah jurulatih.

## Kertas Strategik MASA

MEA telah menugaskan MASA untuk membangunkan Kertas-kertas Strategik bagi bidang-bidang yang telah dikenalpasti untuk persiapan RMKe-12. Berikut adalah senarai Kertas-kertas Strategik yang berkenaan.

01 Decent Standard of Living For the Nation and Localities

02 Strengthening and Improving Poverty Measurement

03 Investment

04 Review and Strengthen Issues of Affordable Housing in Malaysia

05 Evaluate, Strengthen and Construct Bumiputra Supply

06 Strengthening the Mapping of Economic Hotspots

07 Shared Prosperity Vision 2030 For Sarawak & Sabah

08 Democratization of Labour in IR 4.0

09 Maximizing the Potential of Social Enterprise

10 Women in Shared Prosperity - When She Rises, We All Rise

11 Realigning The Needs Of Foreign Labour For Sustainable Growth

12 Developing A Concept of Nation-Building in Malaysia Context

13 Social Deficit in Malaysia

## Pelan Strategik WKB2030

MEA telah melantik MASA untuk membangunkan Pelan Strategik WKB2030. Struktur dokumen ini adalah seperti berikut:

| Bahagian | Komponen | Perincian |
|---|---|---|
| 1 | Mencapai Taraf Hidup Yang Wajar | Bahagian 1 memberikan panduan dan petunjuk dalam mengukur taraf kehidupan yang wajar bagi menjadi alatan untuk semua rakyat menjelang tahun 2030. |
| 2 | Menjadikan WKB2030 Sebagai Satu Tindakan | Bahagian 2 memperincikan rancangan tindakan serta cadangan strategi bagi setiap WKB2030 *Strategic Thrust, Enabler dan Bumiputera Outcomes.* |
| 3 | Mengekalkan adaptasi WKB2030 | Bahagian 3 memberi fokus kepada tiga bidang tumpuan iaitu memastikan kelestarian penyampaian WKB2030 dengan mengutamakan pembaharuan struktur utama, memastikan pelaksanaan dan promosi WKB2030 dengan lancar kepada setiap lapisan rakyat, dan menguruskan kesan COVID-19 kepada ekonomi dan sosial dalam WKB2030. |

# Kajian Tahap Sokongan Rakyat Terhadap Kerajaan Persekutuan (Fasa 1 & 2); dan Kajian Analisis Rakyat Terhadap Polisi Nasional, Penyampaian Kerajaan Dan Persepsi Terhadap Isu-isu Semasa (Fasa 3)

MASA telah diberi tanggungjawab oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri untuk membuat kajian persepsi berkaitan isu-isu semasa termasuk penjajaran parti-parti politik dan unjuran bagi pilihanraya akan datang dalam persiapan kerajaan persekutuan sedia ada menghadapi pilihanraya.

Hasil dapatan dari kajian ini telah diserahkan kembali kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya. Kajian ini telah diadakan dengan tenaga kerja dari MASA dengan sokongan daripada Merdeka Centre.







# Penerbitan MASA

Para penyelidik MASA telah menghasilkan artikel di dalam pelbagai bidang dan ia telah diterbitkan dalam media sosial, elektronik dan cetak.

Bahan-bahan ini boleh diperoleh dari laman sesawang MASA di https://institutmasa.com/ publications




ARTIKEL:-

**01** **Menghadapi Kebekuan Ekonomi**
*En. Nizam Mahshar,*
*Mantan Ketua Pegawai Eksekutif*

**02** **Malaysia: Di Persimpangan Covid**
*En. Nizam Mahshar,*
*Mantan Ketua Pegawai Eksekutif*

**03** **Mencari Makmur Bersama**
*En. Nizam Mahshar,*
*Mantan Ketua Pegawai Eksekutif*

**04** **Masih Menggunakan Kaedah Konvensional dalam Perniagaan Kerana Masalah Dana? Terokailah Insentif Kerajaan Yang Ada...**
*Dr. Nur Aainaa Syafini binti Mohd Radzi,*
*Penganalisis Penyelidikan Kanan*

**05** **ASB dan Literasi Kewangan Masyarakat Bumiputera di Malaysia**
*Dr. Nur Aainaa Syafini binti Mohd Radzi,*
*Penganalisis Penyelidikan Kanan*

## Sesi Bersama Pemegang Taruh

**JAN**
- GLC MMC Corporation Berhad
- Institut Koperasi Malaysia (IKM)
- AGENSI Inspirasi Inforia Islami (IKIM)
- AGENSI Yayasan Sejahtera (YS)
- NGO Kementerian Hal-Ehwal Ekonomi
- KERAJAAN (MEA)
- Yayasan Petronas
- GLIC MITI-TIAC (Trade Investment
- KERAJAAN Advisory Council)

**FEB**
- AGENSI Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
- AGENSI Ketua Setiausaha Negara (KSN)
- GLC Khazanah Nasional Berhad
- NGO Yayasan Kepimpinan Perdana

**MAC**
- AGENSI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- KERAJAAN Unit Perancangan Ekonomi (EPU)

**APR**
- KERAJAAN Jabatan Perdana Menteri (JPM)

**JUN**
- NGO Pertubuhan-pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA), Lembaga Peradaban Melayu (ADAB),Inmind Malaysia (INMiND)
- NGO Malaysia Reform Initiative (MARI)
- KERAJAAN Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA)

**JULAI**
- AGENSI Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU)
- UNIVERSITI Datuk Dr Afifi Al Akiti (Oxford Center for Islamic Studies)
- AGENSI Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- NGO Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)
- AGENSI Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

**OGOS**
- AGENSI Radio Televisyen Malaysia (RTM)
- KERAJAAN Kementerian Wilayah Persekutuan
- POLITIK Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA)

**SEPT**
- AGENSI Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)

**OKT**
- SWASTA The Center of Applied Data Science (CADS)

**NOV**
- KERAJAAN Pejabat Perdana Menteri (PMO)

## Jaringan Kerjasama Strategik




# PENGURUSAN PROGRAM

## Pengenalan Siri Wacana Masa Depan (WMD)

Dalam era ledakan teknologi maklumat serba pantas hari ini, masyarakat lebih mudah terdedah kepada pendapat dan keterangan yang dangkal namun ironinya, sukar untuk memperoleh ilmu-ilmu asas berkaitan realiti atau situasi sebenar yang melatari kehidupan mereka.



**Siri WMD bertujuan mengumpulkan para pemikir, sarjana, panel pakar, dan pembuat dasar untuk berbincang, berkongsi dan bertukar pendapat dan idea mengenai pelbagai isu penting negara seperti hubungan etnik semasa, sosio-ekonomi, perubahan corak demografi Malaysia, isu keselamatan, geopolitik, psikologi dan isu kepemimpinan.**

Justeru, siri ini bertujuan untuk memupuk ketajaman pemikiran intelektual yang tinggi dalam kalangan masyarakat bagi melahirkan sebuah masyarakat yang lebih rasional dan beradab. Ini kerana, hanya usaha-usaha murni melalui proses pemupukan peningkatan kesedaran, pengetahuan aras tinggi, dan kemampuan serta kesediaan untuk pembangunan kendiri akan dapat melahirkan masyarakat yang terpelajar dan rasional.

Selain itu, melalui usaha penganjuran siri WMD ini juga dapat mencetuskan idea pemikiran, pandangan dan cadangan dasar kepada para pemimpin Malaysia dalam usaha mereka merancang strategi, hala tuju dan dasar yang sesuai dan mampan untuk negara. Akhirnya, siri ini berhasrat meletakkan jenama MASA sebagai sebuah badan pemikir dan pencetus pemikiran yang dipercayai dan dirujuk di rantau ini.

### OBJEKTIF

1. Untuk menjadi platform yang memberi kesedaran mengenai sesuatu topik atau isu semasa yang berkaitan.
2. Untuk menyediakan sumber maklumat bagi kumpulan pakar untuk berbincang mengenai perkembangan terkini berkaitan isu/topik tertentu.
3. Untuk membangun dan meningkatkan pangkalan data MASA bagi manfaat kumpulan sasar.

## Siri Wacana Masa Depan - Mencapai WKB: Cabaran Mengurus Defisit Kepercayaan Antara Etnik Di Malaysia

7 Januari 2020 | 8.00–10.00 mlm | Rumah MASA | 6.3k menerusi FB Live






Perpaduan merupakan kunci serta paksi dalam setiap dasar utama negara termasuk yang paling mutakhir ini iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Walau bagaimanapun, keadaan hubungan etnik di Malaysia seringkali berada pada tahap ketegangan yang stabil *(stable tension)*.

Perubahan landskap politik negara yang berlaku dalam dasawarsa ini turut menyumbang kepada peningkatan polarisasi kaum yang secara tidak langsung menyebabkan defisit kepercayaan antara etnik terus wujud dan semakin meruncing di Malaysia. Sekiranya benar seperti yang diperkatakan, perkembangan ini amat membimbangkan.

Sesi Wacana Masa Depan ini telah merungkai persoalan defisit kepercayaan antara etnik di Malaysia serta mencari formula terbaik untuk memperkukuhkan perpaduan rakyat, mengekalkan kestabilan politik dan mencapai wawasan kemakmuran bersama.

## Siri Wacana Masa Depan - Kayu Ukur Kemiskinan: Perlukah Penilaian Semula?

11 Februari 2020 | 8.00–10.30 mlm | Rumah MASA | 1.2k menerusi FB Live






Kadar kemiskinan Malaysia menurun dari 49% pada 1970 kepada 0.4% pada 2016. Walau bagaimanapun, menurut Philip Alston, seorang penyelidik dari PBB berkata, jumlah rasmi tersebut menggunakan metodologi yang tidak dikemaskini selaras dengan keadaaan sosioekonomi semasa, seperti kos sara hidup yang tinggi, pertumbuhan gaji, dan pendapatan isi rumah.

Sesi Wacana Masa Depan telah membahaskan kaedah semasa pengiraan tahap kemiskinan dan pembangunan negara, pengukuran berasaskan penggunaan dan pendapatan iaitu kaedah mana yang lebih sesuai dan kaedah alternatif pengukuran tahap kemiskinan di Malaysia.

## Siri Wacana Masa Depan - Pemulihan Ekonomi: Pasca COVID-19

12 Mei 2020 | 12.00tgh-2.00 ptg | Aplikasi ZOOM | 9.8k menerusi FB Live






Sesi Wacana Masa Depan ini telah membahaskan cabaran dan kesan Covid-19 terhadap firma dan isi rumah di Malaysia.

Para peserta telah berkongsi pelbagai perspektif dengan pihak berkepentingan mengenai inisiatif dan usaha kolektif dalam membentuk kaedah memulihkan ekonomi pada pasca COVID-19 di Malaysia.

Antara rangkuman wacana adalah mengenalpasti sektor dan pekerjaan mana yang menerima kesan yang signifikan di atas kesan pandemik ini; mengenalpasti kaedah dan idea alternatif untuk kerajaan menjana sumber kewangan dan membincangkan kesan yang signifikan kepada perancangan ekonomi negara selepas pandemik ini.

## PENGENALAN PROGRAM PEMACU

PEMACU adalah satu kempen yang dirangka oleh Institut Masa Depan Malaysia sebagai usaha mempromosikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) sebagai agenda nasional. Ianya mendapat sokongan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sebagai pemandu kepada WKB2030, PEMACU berperanan untuk mengangkat semangat WKB2030 kepada kumpulan sasaran. Untuk itu, program PEMACU telah dibahagi menjadi empat (4) segmen berdasarkan profil sasaran.

Fokus utama PEMACU adalah menyebarkan pemahaman yang jelas mengenai usaha pemerintah kepada rakyat dan pada masa yang sama, mendorong mereka untuk menjadi pemangkin dan pengaruh yang baik kepada masyarakat mereka sendiri seterusnya menjadi duta bagi WKB2030.

**Kumpulan Sasaran**

- Pemimpin Masyarakat
- Pemimpin Pelajar
- Pemimpin Politik Akar Umbi
- Penggerak NGO
- Kumpulan Profesional/ ahli akademik/ penjawat awam

## 1. Makmur Bersama Kuala Lumpur 2030

Siri Program Pemimpin Bersama Rakyat akan diadakan di seluruh negara untuk memberi peluang kepada orang awam berdialog secara langsung dengan pemimpin negara mengenai WKB2030 dan dasar-dasar utama kerajaan. Tokoh-tokoh utama yang akan dijemput menjadi tetamu siri *townhall* ini ialah YAB Perdana Menteri, YB Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi MASA dan ahli-ahli kabinet.

MAKMUR BERSAMA KUALA LUMPUR 2030

| Matlamat | Kumpulan Sasar | Jumlah Program | Penglibatan Peserta |
|---|---|---|---|
| Platform dialog dua hala antara pemimpin-pemimpin negara dan orang awam | Semua lapisan masyarakat | 1* | 567 |









* Dari segi gerak kerja, jumlah dianjurkan sebenar adalah 3, tetapi dua program Makmur Bersama terpaksa dibatalkan beberapa hari sebelum program kerana COVID-19 atas nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN).

## 2. PEMACU NEGARA

Melatih kumpulan khusus dalam kalangan pemimpin masyarakat, pemimpin pelajar, pemimpin belia, pemimpin politik akar umbi dan penggerak NGO untuk menjadi duta WKB2030.

Setiap kursus akan diisi dengan sesi ceramah, bengkel, pengisian kerohanian (untuk peserta beragama Islam) dan aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian. Fokus pengisian ialah berkenaan perubahan sikap dan budaya dalam kalangan anggota masyarakat untuk mencapai matlamat WKB2030.

PEMACU NEGARA

| Matlamat | Kumpulan Sasar | Jumlah Program | Penglibatan Peserta |
|---|---|---|---|
| Memupuk kumpulan sasar untuk menjadi penggerak dan *influencer* WKB2030 | Belia (pemimpin pelajar, belia, politik akar umbi) | 2 | 181 |

## 3. PEMACU WACANA

Seminar sehari akan dianjurkan untuk memberikan pengisian yang lebih bersifat intelektual bagi golongan sasar yang terdiri daripada kumpulan profesional, golongan korporat, ahli akademik, penjawat awam, mahasiswa, belia, organisasi masyarakat sivil (CSO) dan lain-lain. Kertas-kertas kerja mengenai WKB2030 akan dibentangkan dalam siri seminar ini.

PEMACU WACANA

| Matlamat | Kumpulan Sasar | Jumlah Program | Penglibatan Peserta |
|---|---|---|---|
| Perkongsian intelektual berkenaan WKB2030, isu semasa, global, dan *best practices* | Ahli korporat, akademik, penjawat awam, mahasiswa, belia, NGO & masyarakat umum. | 6 | 804 |

## 4. PEMACU INTELEK

*Focus Group Discussion* (FGD) merupakan platform untuk mendapatkan input-input baharu dan releven dari tenaga pakar rujuk *(expert)* dalam pelbagai bidang, bagi memperkukuh dan memurnikan lagi 15 Prinsip Panduan dan 8 Pemboleh Daya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

PEMACU INTELEK

| Matlamat | Kumpulan Sasar | Jumlah Program | Penglibatan Peserta |
|---|---|---|---|
